KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR

PENJELASAN BACAAN IPU RASMI JAS DAN PERKEMBANGAN KUALITI UDARA SERTA JEREBU SEMASA

Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar pada jam 3.00 petang ini menunjukkan tiada (0) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, tiga puluh (30) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana, dan **tiga puluh lapan (38) kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat pada hari ini, iaitu:**

TIDAK SIHAT

1) Sungai Petani, KEDAH (IPU - 152)
2) Seberang Jaya, PULAU PINANG (IPU - 153)
3) Seberang Perai, PULAU PINANG (IPU - 154)
4) Minden, PULAU PINANG (IPU - 155)
5) Taiping, PERAK (IPU - 153)
6) Tasek Ipoh, PERAK (IPU - 158)
7) Pegoh Ipoh, PERAK (IPU - 154)
8) Seri Manjung, PERAK (IPU - 157)
9) Tanjung Malim, PERAK (IPU - 153)
10) Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR (IPU - 169)
11) Cheras, W.P. KUALA LUMPUR (IPU - 174)
12) Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA (IPU - 175)
13) Kuala Selangor, SELANGOR (IPU - 142)
14) Petaling Jaya, SELANGOR (IPU - 165)
15) Shah Alam, SELANGOR (IPU - 171)
16) Klang, SELANGOR (IPU - 166)
17) Banting, SELANGOR (IPU - 170)

18) Nilai, NEGERI SEMBILAN (IPU - 185)
19) Seremban, NEGERI SEMBILAN (IPU - 186)
20) Port Dickson, NEGERI SEMBILAN (IPU - 170)
21) Alor Gajah, MELAKA (IPU - 170)
22) Bukit Rambai, MELAKA (IPU - 174)
23) Bandaraya Melaka, MELAKA (IPU - 174)
24) Segamat, JOHOR (IPU - 190)
25) Batu Pahat, JOHOR (IPU - 163)
26) Kluang, JOHOR (IPU - 181)
27) Larkin, JOHOR (IPU - 172)
28) Pasir Gudang, JOHOR (IPU - 173)
29) Pengerang, JOHOR (IPU - 160)
30) Kota Tinggi, JOHOR (IPU - 159)
31) Rompin, PAHANG (IPU - 178)
32) Temerloh, PAHANG (IPU - 152)
33) Indera Mahkota Kuantan, PAHANG (IPU - 166)
34) Balok Baru Kuantan, PAHANG (IPU - 166)
35) Kemaman, TERENGGANU (IPU - 157)
36) Paka, TERENGGANU (IPU - 126)
37) Tangkak, JOHOR (IPU - 173)
38) JOHAN SETIA, SELANGOR (IPU - 178)

Berdasarkan rekod pemantauan JAS pada jam 3.00 petang, 8 Oktober 2026, tiga puluh lapan (38) kawasan di Semenanjung Malaysia merekodkan bacaan pada tahap tidak sihat.

Keadaan ini berlaku dalam persekitaran cuaca kering yang berterusan di sebahagian Rantau Selatan ASEAN. **Berdasarkan laporan ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) pada 7 Oktober 2026, sebanyak 94 titik panas dikesan di Kalimantan, 210 di Sumatera dan 1 titik panas di Malaysia iaitu 1 di Pahang. ASMC turut melaporkan jerebu rentas sempadan sederhana hingga tebal diperhatikan di bahagian selatan dan tengah Sumatera, Singapura serta bahagian selatan Semenanjung Malaysia. Jerebu sederhana hingga tebal turut diperhatikan di beberapa kawasan di Kalimantan.**

APIMS ADALAH SUMBER RASMI BACAAN IPU MALAYSIA

JAS ingin menjelaskan bahawa bacaan IPU rasmi Malaysia hendaklah dirujuk melalui Air Pollutant Index Management System (APIMS) JAS. Maklumat yang sama turut boleh diakses melalui aplikasi rasmi MyJAS EQMS bagi membolehkan orang awam menyemak status kualiti udara di kawasan masing-masing. Bacaan melalui APIMS merupakan rujukan rasmi Kerajaan dalam penyampaian nasihat berkaitan kesihatan serta pengurusan situasi jerebu.

JAS turut mengambil maklum bahawa terdapat laman sesawang atau aplikasi bebas yang memaparkan bacaan Air Quality Index (AQI) yang kadangkala lebih tinggi berbanding bacaan IPU Malaysia. Perbezaan angka tersebut tidak semestinya menunjukkan percanggahan atau bahawa tahap pencemaran telah direndahkan. Sebaliknya, perbezaan lazimnya berlaku kerana IPU Malaysia dan AQI pada platform lain mungkin menggunakan skala, kaedah pengiraan, nilai ambang, tempoh purata, masa kemas kini dan sumber data yang berbeza.

MENGAPA BACAAN IPU DAN AQI BOLEH BERBEZA?

Sesetengah platform antarabangsa mungkin menggunakan skala seperti US AQI, selain menggunakan sumber data yang berbeza seperti sensor kos rendah, anggaran model atau data satelit. Data satelit pula mengukur ketumpatan partikel di atmosfera dan bukan secara langsung kualiti udara sebenar pada paras bumi, iaitu paras yang dihidu oleh manusia. Data satelit juga boleh mempunyai keterbatasan tertentu, termasuk kemungkinan tersilap mentafsir wap air atau awan sebagai asap jerebu.
Sehubungan itu, angka IPU dan AQI daripada dua platform berbeza tidak boleh dibandingkan secara langsung hanya berdasarkan nombor yang dipaparkan.
Perbandingan yang tepat perlu mengambil kira lokasi dan masa pengukuran yang sama, kepekatan sebenar bahan pencemar khususnya IP, serta kaedah indeks yang digunakan.

BAGAIMANA IPU MALAYSIA DIKIRA?

Untuk kefahaman orang ramai, IPU Malaysia merupakan bacaan purata yang dilaporkan setiap jam dan dikira berdasarkan sub-indeks bagi enam pencemar udara utama, iaitu:

- Ozon di permukaan bumi (O_3);
- Karbon monoksida (CO);
- Nitrogen dioksida (NO_2);
- Sulfur dioksida (SO_2);
- Habuk halus bersaiz kurang daripada 10 mikron (PM_{10}); dan
- Habuk halus bersaiz kurang daripada 2.5 mikron ($PM_{2.5}$).

Kepekatan keenam-enam bahan pencemar ini dicerap secara berterusan selama 24 jam sehari bagi memperoleh nilai rujukan dalam menentukan bacaan IPU. Semasa kejadian jerebu, $PM_{2.5}$ lazimnya menjadi bahan pencemar yang dominan.

68 STESEN PEMANTAUAN KUALITI UDARA DI SELURUH NEGARA

Pemantauan kualiti udara negara dilaksanakan melalui Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP) JAS yang melibatkan 68 stesen pengawasan kualiti udara di seluruh negara. Stesen-stesen ini melaksanakan pemantauan berdasarkan piawaian dan pensijilan antarabangsa yang berkaitan, termasuk United States Environmental Protection Agency (USEPA) dan ISO.

Justeru, orang ramai dinasihatkan supaya mendapatkan maklumat kualiti udara daripada sumber rasmi JAS bagi memastikan maklumat yang digunakan adalah tepat, konsisten dan sesuai untuk tujuan membuat keputusan berkaitan aktiviti harian serta perlindungan kesihatan. JAS menasihatkan orang ramai supaya tidak keliru dengan perbezaan angka yang mungkin dipaparkan oleh pelbagai aplikasi atau laman sesawang. Untuk mendapatkan bacaan IPU rasmi Malaysia yang dikemas kini setiap jam, orang ramai hendaklah merujuk, Air Pollutant Index Management System (APIMS) atau Aplikasi rasmi MyJAS EQMS.

TINDAKAN SELARAS PELAN TINDAKAN JEREBU KEBANGSAAN

Tindakan pengurusan jerebu dilaksanakan secara bersepadu selaras dengan PTJK yang menetapkan peranan pelbagai agensi mengikut tahap dan perkembangan situasi.

Antara mekanisme yang digariskan ialah:

IPU melebihi 150 selama lebih 24 jam, pengaktifan Jawatankuasa Pengurusan Bencana oleh NADMA;

- IPU melebihi 100 – penghentian aktiviti luar bilik darjah;
- IPU melebihi 200 – penutupan sekolah, tadika dan taska; dan
- IPU melebihi 150 selama lebih 24 jam – pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan tertakluk kepada kehadiran awan dan keadaan cuaca yang sesuai.

ORANG RAMAI DIMINTA TIDAK MELAKUKAN PEMBAKARAN TERBUKA

JAS menyeru orang ramai supaya tidak melakukan pembakaran terbuka, khususnya ketika keadaan cuaca panas dan kering serta kualiti udara berada pada tahap tidak sihat hingga berbahaya. Orang ramai juga diminta memastikan tanah atau premis milik mereka tidak dimasuki atau dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan berlakunya pembakaran terbuka.

Selaras dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024, kesalahan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda minimum RM25,000 hingga RM1,000,000, atau penjara sehingga lima tahun, atau kedua-duanya. Kompaun sehingga 50 peratus daripada denda maksimum juga boleh dikenakan bagi setiap kesalahan. Sebarang kejadian kebakaran atau pembakaran terbuka hendaklah segera dilaporkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui talian 999 atau JAS melalui talian bebas tol 1-800-88-2727 supaya tindakan segera dapat diambil.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya sentiasa mengikuti arahan serta nasihat kesihatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

JAS akan terus memantau, menilai dan mengambil tindakan berdasarkan perkembangan kualiti udara serta keadaan jerebu semasa, di samping memperkukuh kerjasama dengan NADMA, kerajaan negeri dan semua agensi berkaitan bagi memastikan tindakan menangani jerebu dilaksanakan secara pantas, terselaras dan berkesan.

JABATAN ALAM SEKITAR
8 OKTOBER 2026

Unit Komunikasi Korporat I Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4151

RAJAH 1

Peta Jerebu Serantau Yang Dikeluarkan Oleh ASMC Pada 7 Oktober 2026

